

**PERHIMPUNAN-MAHATHIR**

1977

KUALA LUMPUR, 3 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBERI JAMINAN AKAN MENYELESAIKAN SECEPAT MUNGKIN MASALAH TANGGA GAJI BARU BAGI ANGKATAN TENTERA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENJELASKAN, KERAJAAN SEKARANG SEDANG GIAT MENGAJUI TANGGA GAJI TERSEBUT.

BERUCAP MENGGULUNG PERBAHASAN ATAS UCAPAN DASAR PEMANGKU PRESIDEN UMNO DI PERHIMPUNAN AGUNG PARTI ITU DISINI, BELIAU MENEGASKAN KERAJAAN TIDAK BOLEH TERGESA-GESA DALAM URUSAN INI KERANA TANGGA GAJI ANGKATAN TENTERA MAHU PUN POLIS PERLU DIBERIKAN KEISTIMEWAAN.

+KEISTIMEWAAN INI DIBERIKAN MENGENANGKAN PERANAN PENTING YANG DIMAINKAN OLEH ANGGOTA-ANGGOTA TENTERA DAN POLIS MENGORBANKAN NYAWA UNTUK KESELAMATAN NEGARA.

+OLEH ITU KERJA-KERJA MENGUBAL TANGGA GAJI MEREKA TIDAK BOLEH DISAMAKAN DENGAN URUSAN BAGI TANGGA GAJI LAIN-LAIN KAKITANGAN AWAM + TEGS BELIAU. -- BERSAMBUNG 1727/S7

**PERHIMPUNAN-MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR**

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PELAJARAN MEMBERITAHU, PIHAKNYA MERANCANG UNTUK MENAMBAHKAN 40,000 ORANG GURU LAGI DALAM MASA 10 TAHUN AKAN DATANG.

BELIAU BERJANJI AKAN MELAKSANAKAN SEPENUHNYA RANCANGAN INI +JIKA TERUS DIBERI KEYAKINAN DAN DIPILIH OLEH RAKYAT.+

KATANYA, PADA TAHUN INI SAHAJA SERAMAI 7,000 ORANG GURU BARU SEDANG DILATIH DAN JUMLAH INI TIDAK TERMASUK 3,000 ORANG GURU SEMENTARA YANG DILATIH SETIAP TAHUN.

BUAT MASA INI TERDAPAT SERAMAI 94,000 ORANG GURU DI SELURUH NEGARA. -- BERSAMBUNG 1730/SZ

££

B599

**PERHIMPUNAN-MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR**

BELIAU MENOLAK DAKWAAN KONONNYA MUTU DI MAKTAB-MAKTAB PERGURUAN TELAH MEROSOT.

SEBALIKNYA, KATA BELIAU, LATIHAN GURU DI NEGARA INI TELAH BERTAMBAH DAN BERKEMBANG DENGAN AMAT PESAT SETIAP TAHUN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BAGAIMANAPUN MEMBERI JAMINAN AKAN MENEMUI PENGETUA-PENGETUA DAN PARA PENSYARAH MAKTAB-MAKTAB TERSEBUT BAGI MENENTUKAN SIKAP DAN PERIBADI YANG SESUAI UNTUK MELATIH GURU-GURU SELARAS DENGAN KEHENDAK NEGARA.

BELIAU YANG JUGA NAIB PRESIDEN UMNO JUGA MENOLAK DAKWAAN KONONNYA UMNO TELAH GAGAL DALAM USAHANYA UNTUK MEMBASMI KEMISKINAN DAN MERAPATKAN JURANG PERPEZAAN ANTARA MISKIN DAN KAYA.

+DAKWAAN INI TIDAKLAH BENAR DAN KITA BOLEH SAKSIKAN SENDIRI HAKIKAT KEJAYAAN UMNO DENGAN MENINJAU PEMBANGUNAN YANG TERDAPAT DI KAMPUNG-KAMPUNG DI SELURUH NEGARA.

+DALAM BIDANG PELAJARAN, UMPAMANYA, KITA TELAH PANYAK MEMBANTU RAKYAT MELAYU YANG MISKIN DENGAN MENGHANTAR ANAK-ANAK MEREKA MELANJUTKAN PELAJARAN TINGGI DI SELERANG LAUT.+

KATANYA. -- BERSAMBUNG 1731/SZ

££  
B600

PERHIMPUNAN-MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

TAHUN INI SAHAJA KEMENTERIAN PELAJARAN, JABATAN PERKHIDMATAN AWAM DAN MARA MENGHANTAR SERAMAI 200 ORANG PELAJAR MELAYU UNTUK MENGIKUTI KURSUS PENGAJIAN TINGGI, DAN KEPANYAKAN MEREKA TERDIRI DARI KELUARGA MISKIN.

+JIKA DITINJAU KEMASUKAN KE UNIVERSITI TEMPATAN KITA AKAN MEN-  
DAPATI KEPANYAKAN MEREKA ADALAH DARI KELUARGA MISKIN, KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN INI ADALAH SATU BUKTI KEJAYAAN UMNO DALAM USAHA +MEMPERKAYAKAN+ RAKYAT MELAYU MISKIN SEKURANG-KURANGNYA MENERUSI PELAJARAN.

+JIKA KITA MASIH BELUM DAPAT MENERIMA HAKIKAT INI KITA KELUAR SAHAJA DARI DEWAN PERSIDANGAN INI DAN SAKSIKAN SENDIRI BAGAIMANA AHLI-AHLI PERWAKILAN DATANG KE SINI.

+KEBANYAKAN MEREKA DATANG DENGAN MOTOKAR DAN ADAKAH MEREKA INI SEMUA KAYA-KAYA DULU?, + TANYA BELIAU.

BELIAU MENEGASKAN JIKA UMNO TELAH GAGAL UNTUK MEMBANTU RAKYAT MISKIN SEPERTI YANG DIDAKWA +MENGAPAKAH RAKYAT MASIH YAKIN TERHADAP-NYA SELAMA INI. +

+JIKA KITA SENDIRI TIDAK YAKIN TERHADAP KEJAYAAN PARTI, BAGAIMANAKAH ORANG LAIN AKAN DAPAT YAKIN TERHADAP KITA, + TEKAN BELIAU.

-- BERNAMA 1735/SZ